



**SIARAN AKHBAR
UNTUK SIARAN SEGERA**

**PENUTUPAN SEMENTARA LORONG KELUAR KENDERAAN BERAT
DI PLAZA TOL GAMBANG**

Kuala Lumpur, 25 Ogos – ANIH Berhad, pemegang konsesi bagi komponen Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1) hari ini mengumumkan penutupan di Plaza Tol Gambang yang melibatkan Lorong K01 untuk 2 hari mulai 6 September 2016 bermula dari 8 pagi bagi memberi laluan pada kerja-kerja pembaikan jalan di lorong berkenaan.

Lorong K01 merujuk kepada laluan untuk kenderaan berat yang ingin keluar dari lebuhraya ke arah Gambang, Pahang.

Sepanjang tempoh kerja dijalankan, lorong berkenaan akan ditutup sementara kepada semua kenderaan berat. Lorong laluan lain pula tidak terlibat sepanjang kerja dijalankan.

Sehubungan itu, pengguna lebuhraya, terutamanya pemandu kenderaan berat di minta mematuhi arahan petugas trafik di Plaza Tol Gambang demi kelancaran trafik dan keselamatan pengguna lain. Pengguna lalulintas juga dinasihatkan untuk memperlahankan kenderaan ketika menghampiri kawasan plaza tol bagi mengelakkan sebarang insiden yang tidak diingini.

Sila rujuk lampiran info grafik untuk maklumat lanjut mengenai penutupan Lorong K01 dan pergerakan trafik di Plaza Tol Gambang.

Untuk sebarang maklumat, sila ikuti medium komunikasi seperti Facebook Lebuhraya Pantai Timur dan laman Twitter @LPTTrafik bagi mengetahui status dan keadaan terkini serta isu-isu lain di sepanjang jajaran lebuhraya di bawah kendalian ANIH Berhad. Mesej turut di paparkan menerusi papan tanda elektronik (VMS) di sepanjang lebuhraya bagi membolehkan pengguna membuat persediaan awal.

ANIH Berhad mengucapkan terima kasih atas perhatian dan kerjasama dari semua pengguna lebuhraya dan Syarikat akan cuba untuk memberikan pengalaman pemanduan yang selesa dan terbaik untuk anda.

-Tamat-

Tentang ANIH Berhad

ANIH Berhad adalah pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang merangkumi komponen Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1), sepanjang 240km. Bermula dari Gombak di Lembah Klang hingga Jabor di Terengganu, LPT meningkatkan masa perjalanan, dari Lembah Klang ke bandar-bandar utama di sebelah Pantai Timur, terutamanya Kuantan. ANIH Berhad juga adalah pemegang konsesi Lebuhraya KL-Seremban. Operasi tol dan penyenggaraan rangkaian-rangkaian lebuhraya ANIH Berhad diurus oleh Kumpulan AlloyMtd.

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

1. Fazlyaton Hussein, Ketua, Komunikasi Korporat
fazlyaton.hussein@alloymtd.com
2. Ahmad Farizal Abdul Hajat, Naib Presiden, Komunikasi Korporat
farizal.hajat@alloymtd.com
3. Sofia Roseli, Eksekutif, Komunikasi Korporat
sofia.roseli@alloymtd.com

**Siaran Akhbar dikeluarkan bagi pihak ANIH Berhad oleh:
Jabatan Komunikasi
AlloyMtd Group**

1, Jalan Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel : 03-6195 1111 Fax : 03-6188 0101 Website : www.alloymtd.com